

**PELAWAAN PENGANJURAN BERSAMA
MAJESTIC JOHOR X AMAZING TANGKAK FESTIVAL 2026**

Tarikh Dikeluarkan: 12 Februari 2026

Tarikh Tutup Permohonan: 31 Mac 2026

1. Latar Belakang

- 1.1 Majestic Johor x Amazing Tangkak Festival 2026 adalah sebuah inisiatif di bawah Pelancongan Majlis Daerah Tangkak dengan kerjasama Tourism Johor dan Pejabat Daerah Tangkak, bertujuan untuk mempromosikan lokasi pelancongan, warisan budaya, serta produk pelancongan tempatan. Festival ini akan diadakan di Dataran Ledang dan sekitar Daerah Tangkak pada 1 – 4 Oktober 2026. (Tarikh tertakluk kepada pindaan)
 - 1.2 Ianya juga diiktiraf sebagai salah satu acara Pelancongan Negeri Johor 2026 dan merupakan satu inisiatif daerah bagi menyokong Tahun Melawat Johor dan Malaysia 2026.
-

2. Tujuan RFP

Pihak penganjur ingin menjemput syarikat-syarikat yang berpengalaman untuk mengemukakan cadangan bagi menyediakan perkhidmatan dalam penganjuran festival meliputi:

- (2.1) Pengurusan acara pelancongan
 - (2.2) Promosi digital dan konvensional
 - (2.3) Pengurusan reruai pelancongan dan pameran komuniti
 - (2.4) Persembahan kebudayaan dan aktiviti pelancong
 - (2.5) Dokumentasi dan laporan impak pelancongan
 - (2.6) Perbekalan perkakasan dan logistik
-

3. Skop Kerja

3.1. Pengurusan Acara & Pameran

- (i) Reka bentuk dan susun atur tapak acara
- (ii) Pengurusan reruai agensi pelancongan, homestay, produk tempatan
- (iii) Jadual dan penyelarasan aktiviti (demonstrasi budaya, bengkel, persembahan, artis serta aktiviti yang dirancang oleh Majlis Daerah Tangkak)

3.2. Promosi dan Publisiti

- (i) Kempen pra-acara (Siaran TV, FB, IG, TikTok Ads, media cetak)
- (ii) Bahan promosi: poster, video teaser, katalog pelancongan
- (iii) Jaringan media dan jemputan pengaruh media sosial

3.3. Pengisian Acara

- (i) Persembahan kebudayaan dan muzik tradisional
- (ii) Pertandingan dan permainan warisan
- (iii) Aktiviti pelancong seperti lawatan berpandu, food tour
- (iv) Pertunjukan dan perarakan kenderaan berhias
- (v) Permainan games interaktif
- (vi) Pengisian aktiviti disepanjang waktu karnival
- (vii) Lain-lain acara yang sesuai

3.4. Dokumentasi & Laporan

- (i) Foto/video sepanjang acara
 - (ii) Statistik kehadiran pengunjung
 - (iii) Laporan impak pelancongan kepada komuniti setempat
-

4. Kelayakan Wajib

- (4.1) Berdaftar dengan SSM atau MOF
 - (4.2) Pengalaman dalam pengurusan acara pelancongan (sekurang-kurangnya 2 projek)
 - (4.3) Kemampuan mengurus pelbagai pihak berkepentingan
 - (4.4) Sanggup beroperasi di luar bandar dengan pasukan teknikal sendiri
-

5. Kandungan Proposal

Proposal perlu mengandungi:

- (5.1) Profil syarikat & pengalaman berkaitan
 - (5.2) Kaedah pelaksanaan projek dan cadangan aktiviti
 - (5.3) Anggaran bajet & kos terperinci
 - (5.4) Garis masa pelaksanaan
 - (5.5) Cadangan kerjasama strategik (jika ada)
-

6. Penghantaran Proposal

 **Email:** jpm@mdtangkak.gov.my

 **Alamat Pos:**

Yang Dipertua
Majlis Daerah Tangkak,
84900 Tangkak, Johor
(UP: Jabatan Pembangunan Masyarakat)

Nombor untuk dihubungi : 019 - 3008262

7. Tarikh Penting

Perkara	Tarikh
RFP Dibuka	12 Februari 2026
Sesi Taklimat Vendor	06 April 2026
Tarikh Tutup RFP	31 Mac 2026
Penilaian & Temu Bual	13 –15 April 2026
Keputusan Akhir	20 April 2026

8. Penafian

Pihak penganjur berhak menolak sebarang proposal tanpa memberikan sebab. Hanya syarikat yang disenarai pendek akan dihubungi.